



**AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001:
PEKELILING NO. 1/2018**

**SEKATAN TERHADAP ENTITI PERNIAGAAN YANG MEMPUNYAI KAITAN
DENGAN REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT KOREA UTARA: KUASA-
KUASA PENDAFTAR UNTUK MENOLAK ATAU MEMBATALKAN
PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN YANG BERKAITAN**

Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

TUJUAN

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kuasa Pendaftar di bawah undang-undang yang di kawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menolak pendaftaran atau pemerbadanan; atau untuk membatalkan mana-mana entiti perniagaan yang didapati mengancam keamanan dan keselamatan negara.

LATAR BELAKANG

3. Pada 5 Ogos 2017, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Resolusi 2371 berkaitan Republik Demokratik Rakyat Korea Utara (DPRK) susulan ujian pelancaran peluru berpandu balistik

antara benua. Resolusi tersebut mengandungi langkah-langkah sekatan yang bersifat mengikat dari segi undang-undang ke atas semua negara anggota PBB untuk dilaksana dan dikuatkuasakan sepenuhnya.

4. Tujuan resolusi tersebut adalah untuk memberi tekanan kepada DPRK untuk menghentikan program nuklear dan peluru balistiknya demi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa.

5. Resolusi 2371 ini merupakan sekatan tambahan terhadap resolusi-resolusi PBB terdahulu termasuk larangan untuk mengadakan sebarang jalinan usahasama di antara rakyat anggota PBB dengan negara yang dikenakan sekatan.

6. Oleh demikian, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selaku agensi yang berkaitan dengan pendaftaran dan pemerbadanan entiti perniagaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan dasar negara dalam pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah Resolusi-Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkaitan langkah-langkah sekatan terhadap DPRK adalah tercapai.

TINDAKAN SSM DALAM MENYOKONG NEGARA MENGUATKUASAKAN RESOLUSI-RESOLUSI MAJLIS KESELAMATAN PBB

7. Selaras dengan sekatan yang dikenakan terhadap DPRK, berikut adalah perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh orang perseorangan atau entiti perniagaan berkaitan dengan undang-undang di bawah kawal selia SSM:

- (a) pemerbadanan atau pendaftaran entiti perniagaan baharu yang dimiliki oleh DPRK atau wakilnya atau rakyat DPRK adalah dilarang;
- (b) penambahan pemegangan saham atau ekuiti dalam mana-mana entiti perniagaan sedia ada yang dimiliki oleh DPRK atau wakilnya atau rakyat DPRK adalah dilarang.

8. Sehubungan itu, SSM juga menegaskan agar pihak-pihak berkepentingan SSM terutamanya setiausaha syarikat mengambil langkah serta-merta dengan melaporkan segera jika terdapat permohonan pendaftaran entiti perniagaan baharu DPRK atau transaksi yang melibatkan DPRK serta individu dan entiti yang disyaki terlibat dengan DPRK yang tersenarai hitam dalam sistem SSM.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH KAWAL SELIA SSM BAGI MENGAWAL DAN MENGEKANG ENTITI PERNIAGAAN YANG DIDAPATI MENGANCAM KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA DAN ANTARABANGSA

9. SSM sebagai sebuah badan berkanun yang mengawal selia entiti perniagaan mempunyai peranan untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (ASSM) yang berkaitan dipatuhi oleh entiti perniagaan tersebut.

10. Entiti perniagaan ditakrifkan di bawah seksyen 2 ASSM seperti berikut:

“entiti “perniagaan” ertinya –

- (a) dalam hal Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], mana-mana pemilik tunggal atau perkongsian;
- (b) dalam hal Akta Syarikat 1965 [Akta 125] (dimansuhkan menjadi Akta Syarikat 2016 [Akta 777]), syarikat, perbadanan atau syarikat asing;
- (c) dalam hal Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743], perkongsian liabiliti terhad atau perkongsian liabiliti terhad asing.’.

11. Oleh demikian, suatu entiti perniagaan yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang di bawah kawal selia SSM boleh dikenakan tindakan undang-

undang khususnya jika didapati mengancam keamanan dan keselamatan negara serta antarabangsa.

12. Kuasa perundangan yang ditadbir oleh SSM yang terpakai bagi mengawal dan mengekang entiti perniagaan yang berkaitan dengan DPRK adalah seperti berikut:

(i) Akta Syarikat 2016

Seksyen 16 Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa Pendaftar hendaklah menolak untuk mendaftarkan permohonan sesuatu syarikat yang dicadangkan itu berkemungkinan hendak digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang boleh menjelaskan ketenteraman awam, kemoralan atau keselamatan Malaysia.

Seksyen 465(1)(k) dan (2) Akta Syarikat 2016 pula memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh mengarahkan penggulungan suatu syarikat kepada Pendaftar jika syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjelaskan dan tidak bersesuaian dengan keamanan, kebijakan, keselamatan, ketenteraman awam, keadaan yang baik atau prinsip moral di Malaysia.

Selain itu, seksyen 545(1)(c)(iv) Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh menggulung syarikat yang digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebijakan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia.

Selanjutnya, seksyen 549(c) Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa Pendaftar boleh memotong sesuatu syarikat daripada daftar, jika syarikat itu digunakan bagi maksud menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebijakan,

keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia.

(ii) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

Seksyen 5C(1) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP) memperuntukkan bahawa walaupun apa-apa yang bertentangan di dalam Akta ini, Pendaftar itu hendaklah menolak untuk mendaftar sebarang perniagaan sekiranya Pendaftar berpuas hati yang perniagaan itu berkemungkinan akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang menyalahi undang-undang atau sebarang tujuan yang memudaratkan kepada atau yang tidak bersesuaian dengan keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Selanjutnya, seksyen 5C(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP) memperuntukkan bahawa di mana suatu perniagaan telah didaftarkan, Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran itu sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa perniagaan itu digunakan bagi tujuan-tujuan yang memudaratkan kepada atau tidak bersesuaian dengan keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

(iii) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

Seksyen 51(1)(c) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT) memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk memotong perkongsian liabiliti terhad daripada daftar jika Pendaftar mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa adalah menjaskan kepentingan negara bagi perkongsian liabiliti terhad untuk berada dalam daftar.

13. Berdasarkan kerangka undang-undang yang sedia ada, SSM akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas entiti perniagaan yang berkaitan dengan DPRK dengan menyekat dan tidak membenarkan perniagaan baharu

sedemikian didaftarkan atau mengekang perkembangan perniagaan sedia ada tersebut. Dalam mengawal dan mengekang entiti perniagaan yang berkaitan dengan DPRK, SSM boleh memotong atau membatalkan pendaftaran entiti perniagaan tersebut, yang mana berkenaan, jika pemilik entiti perniagaan tersebut didapati menyalahi undang-undang sepetimana yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut di atas.

KESIMPULAN

14. Maka, berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di perenggan 12, SSM akan mengambil tindakan tegas untuk membatal atau memotong suatu entiti perniagaan yang ada kaitan dengan DPRK daripada daftar sekiranya SSM berpuas hati bahawa entiti perniagaan tersebut digunakan bagi maksud menyalahi undang-undang atau telah digunakan bagi tujuan-tujuan yang memudaratkan dan tidak bersesuaian dengan keselamatan ekonomi dan kepentingan negara.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
2 April 2018